

06/07/2002

`Projek besar bukan untuk pembaziran'

Norbakti Alias; Hassan Omar

JITRA, Jumaat - Pelaksanaan projek besar bertujuan menampung keperluan untuk jangka masa panjang dan bukan satu pembaziran seperti didakwa sesetengah pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pembinaan kemudahan seperti bangunan harus mengambil kira keperluan lebih lama dan bukan setakat untuk 10 atau 20 tahun saja.

Perdana Menteri berkata, konsep penggunaan bangunan untuk digunakan bagi tempoh yang panjang sudah lama dipraktikkan di negara maju kerana ada bangunan di negara berkenaan berusia antara 300 dan 500 tahun, berikutan pandangan jauh mereka mengenai kemajuan yang bakal dicapai.

"Saya sudah melawat banyak negara maju dan saya dapati kebanyakan bangunan pejabat di sana berusia 300, 400 atau 500 tahun.

"Apabila mereka mendirikan suatu bangunan, mereka merancang untuk menggunakannya bukan untuk 10 tahun, 20 tahun tetapi beratus tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis meletakkan batu asas pembinaan Kompleks Pejabat Daerah Kubang Pasu, di Batu 14, Jalan Changlun, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, anggota Exco dan Pegawai Daerah Kubang Pasu, Datuk Ismail Abdul Hamid.

Kompleks yang menempatkan Pejabat Daerah, Majlis Daerah Kubang Pasu dan Pejabat Tanah dan Galian Daerah dibina November lalu dan dijangka siap April 2003.

Ia bakal menggantikan Pejabat Daerah Kubang Pasu sedia ada.

Dr Mahathir turut diberikan taklimat pembinaan Dewan Wawasan bernilai RM30 juta bersebelahan kompleks berkenaan.

Dewan di kawasan seluas empat hektar itu mampu memuatkan 5,000 orang.

Berikutan pandangan jauh itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di kawasan seluas 10,000 hektar di Sepang bagi menampung keperluan penerbangan negara untuk tempoh 100 tahun akan datang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, projek seperti itu hanya mampu dilaksanakan jika kerajaan memiliki sumber kewangan berikutan kemajuan ekonomi dan kestabilan politik.